

# Sistem Fizikal Bumi

**BUMI**



# Atmosfera

- Lapisan udara yang menyelubungi bumi.
- Mengandungi pelbagai jenis gas, debu, habuk, asap dan wap air.
- Kepentingan:
  - (a) Membekalkan gas oksigen, karbon dioksida untuk bernafas
  - (b) Berlakunya fenomena cuaca seperti kitaran hidrologi, proses sejatan, proses pemeluwapan dan kerpasan.



# Hidrosfera

- Meliputi semua bahagian air yang wujud di bumi.
- Merangkumi air laut, air tasik, air sungai, air bawah tanah, air paya dan litupan ais.
- Kepentingan:
  - (a) Sumber air kepada hidupan di permukaan bumi.
  - (b) Habitat untuk pelbagai jenis hidupan akuatik.
  - (c) Membekalkan sumber makanan.
  - (d) Membekalkan air untuk sistem pengairan di kawasan pertanian.



# Biosfera

- Kawasan yang didiami oleh semua benda hidup (manusia, haiwan, tumbuhan).
- Melibatkan bahagian kerak bumi dan atmosfera.
- Kepentingan:
  - (a) Manusia dan haiwan membekalkan karbon dioksida kepada tumbuhan hijau untuk proses fotosintesis.
  - (b) Tumbuhan membebaskan oksigen untuk pernafasan dan membekalkan makanan.



# Litosfera

- Lapisan luar bumi yang merangkumi bahagian kerak bumi dan bahagian atas mantel.
- Mengandungi pelbagai jenis batuan dan mineral.
- Kepentingan:
  - (a) Habitat kepada manusia, haiwan dan tumbuhan.
  - (b) Menggalakkan aktiviti perlombongan dan pembinaan.
  - (c) Mempunyai sumber tanah yang subur untuk kegiatan pertanian

